

19/11/1999

Dr M perjelas kriteria pemilihan

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, kesetiaan kepada parti, kewibawaan sebagai pemimpin dan berkeupayaan untuk menang adalah kriteria utama pemilihan kira-kira 30 peratus muka baru sebagai calon Barisan Nasional (BN).

Pengerusi BN itu berkata, proses memilih calon terbabit, yang sebelum ini dilakukan beliau sendiri, dibantu oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakub.

"Tiga puluh peratus adalah wajah baru. Kalau tidak bagaimana dengan Wanita dan Pemuda yang nak tambahan," katanya pada pertemuan dengan pengarang akhbar dan stesen televisyen tempatan, di sini petang ini.

BN akan bertanding di semua 193 kerusi Parlimen dan 349 Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum yang dijadualkan 29 November ini. Penamaan calon akan diadakan Sabtu ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, sebagaimana dialaminya bagi menentukan calon pada pilihan raya lalu, kali ini juga beliau menghadapi masalah.

"Ini kerana sementara penyandang tidak mahu digugurkan, mereka yang berminat menjadi calon akan kecewa apabila tidak dipilih. Namun, ini jadi perkara biasa," katanya sambil menambah, tugas ringan apabila bebannya dikongsi dengan Abdullah dan Mohd Khalil.

Dr Mahathir berkata, soal mengenai seseorang calon itu adalah 'orang yang rapat' dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim atau pendokong bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) tidak timbul.

"Soal mereka rapat bukan kriteria. Sikap mereka terhadap Umno yang jadi kriteria. Kalau setia kepada parti, dia tidak akan dipinggirkan.

"Walaupun rapat tapi setia kepada parti, kalau nama mereka digugurkan, sebabnya sama seperti mereka yang setia dengan parti digugurkan. Ia bukan kerana dekat dengan si polan dan si polan," katanya.

Mengenai bekas pemimpin S46 yang kemungkinan menjadi calon BN, beliau berkata: "Ada bekas S46 tampil. Asalkan dia setia pada Umno. Mereka boleh bekerjasama. Kita ambil kerana dia boleh menang."

Dr Mahathir yakin keputusan di Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan berbeza dengan ramalan yang dibuat atau digembar-gemburkan pembangkang.

"Kita tidak nafikan kita menghadapi masalah di keempat-empat negeri itu. Kita telah menghadapi masalah yang sama pada pilihan raya umum lalu tetapi keputusannya berbeza daripada ramalan pelbagai pemerhati," katanya.

Beliau menganggap pilihan raya umum 1990 lebih mencabar bagi BN berbanding kali ini.

Katanya, walaupun berlaku kegawatan politik di negara ini ekoran pemecatan Anwar dan pengaruh Pas yang dikatakan semakin bertambah, tiada seorang pemimpin berkaliber Umno daripada kalangan Majlis Tertinggi meninggalkan parti seperti berlaku pada 1990.

"Juga sebelum pilihan raya 1990, seramai 85,000 ahli Umno telah keluar parti tetapi kali ini ia tidak berlaku.

"Kita cuba ulangi kejayaan ini tetapi mungkin ada sedikit kemerosotan berbanding pilihan raya 1995 tetapi lebih baik daripada pilihan raya 1990," katanya.

Mengenai pengaruh Pas, Dr Mahathir berkata, parti itu hanya menang pada poster dan sepanduk, semata-mata untuk menyedapkan hati sendiri serta penyokongnya.

"Ini untuk menyakinkan pengikut mereka mengenai ada kemungkinan menang. Hakikatnya, calon mereka selalu hilang wang deposit. Pemimpin Pas berpendapat penyokong mereka mesti diberi peluang untuk mengemukakan calon.

"Mereka sanggup hilang deposit daripada tidak meletakkan calon," katanya.

(END)